

## TERMA DAN SYARAT

### **KEMPEN “JOM MENANG DUIT RAYA 2024” (“KEMPEN”)**

#### **1. TEMPOH KEMPEN**

- a) Kempen ini bermula dari **15 Mac 2024 sehingga 30 Jun 2024**.

#### **2. KONSEP SYARIAH**

- a) Konsep yang digunakan adalah selari dengan konsep Syariah Hibah Mu’allaqah (Hibah Bersyarat).  
 b) Berdasarkan konsep tersebut, pihak Bank akan memberikan hadiah kepada Pelanggan yang Berjaya memenuhi segala Terma dan Syarat yang ditetapkan oleh pihak Bank dan dikenal pasti sebagai pemenang.

#### **3. KELAYAKAN**

- a) Kempen ini terbuka kepada **Pelanggan Baru dan Pelanggan Sedia Ada Bank**.

SEGMENT	PRODUK	MAKLUMAT KELAYAKAN
Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• AgroCash-i</li> <li>• Ar-Rahnu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat pembiayaan AgroCash-i minimum RM50,000; atau;</li> <li>• Membuat pembiayaan Ar-Rahnu RM500.00 dan ke atas</li> </ul>
Takaful Kemalangan Diri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Takaful Kasih Plus</li> <li>• Agro Nurani</li> <li>• Agro Madani</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permohonan perlindungan Takaful yang telah lulus di dalam tempoh Kempen</li> <li>• Langganan Takaful Kemalangan Diri</li> </ul>
Transaksi atas talian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• DuitNow</li> <li>• DuitNowQR</li> <li>• Kad Debit Atas Talian</li> <li>• Kad Debit</li> <li>• Pembayaran Zakat Atas Talian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Transaksi atas talian yang dilaksanakan di dalam tempoh Kempen menggunakan DuitNow,DuitNowQR, Kad Debit Atas Talian, Kad Debit dan Zakat.</li> </ul>

- b) Kakitangan Bank layak untuk menyertai Kempen ini bagi segmen transaksi atas talian. Manakala ahli keluarga dan saudara-mara kakitangan Bank dibenarkan menyertai Kempen ini sepenuhnya.  
 c) Kelayakan dari segi umur dan lain-lain perkara adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Produk.  
 d) Pelanggan yang memohon dan melakukan transaksi produk, Agrocash-i Ar-Rahnu, Takaful, Pembelian atas Talian dan Zakat di Agrobank dari 15 Mac 2024 sehingga 30 Jun 2024 akan layak secara automatik untuk menyertai Cabutan Bertuah bagi kempen ini.

e) Pelanggan yang layak dan memenuhi kriteria Kempen berpeluang memenangi hadiah yang berikut,

KATEGORI	PRODUK	BILANGAN PEMENANG
Cabutan Bertuah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• AgroCash-i</li> <li>• Ar-Rahnu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 15x Pemenang Bertuah RM1,000.00</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Takaful Kasih Plus</li> <li>• Agro Nurani</li> <li>• Agro Madani</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 15x Pemenang Bertuah RM1,000.00</li> </ul>
Transaksi Tertinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• DuitNow</li> <li>• DuitNowQR</li> <li>• Kad Debit Atas Talian</li> <li>• Kad Debit</li> <li>• Pembayaran Zakat Atas Talian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 15x Pemenang Bertuah RM1,000.00</li> </ul>

#### 4. MEKANISMA KEMPEN

a) Kemudahan pembiayaan Peribadi AgroCash-i

KATEGORI CABUTAN	PRODUK	KRITERIA KEMPEN	AMAUN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN	MATA PENYERTAAN (MP)
Cabutan bertuah dan hadiah pendaftaran awal	AgroCash-i	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemohon tidak pernah mempunyai akaun kemudahan pembiayaan sedia ada dengan Agrobank. Pembiayaan peribadi haruslah dimohon, diluluskan dan kemudahan pembiayaan telah dikeluarkan ke dalam akaun semasa tempoh Kempen berlangsung (15 Mac 2024 – 30 Jun 2024)</li> <li>• Mata penyertaan diberikan berdasarkan jumlah kemudahan pembiayaan</li> <li>• 15 orang pemenang cabutan bertuah akan dipilih pada akhir Kempen.</li> <li>• Pelanggan yang memohon kemudahan pembiayaan AgroCash-i dengan jumlah minima RM50,000 dan disertakan produk Takaful Kasih Plus 4 akan menerima Hadiah Pendaftaran, (Seunit payung eksklusif Agrobank)</li> <li>• Hadiah pendaftaran adalah terhad kepada 2,000 pelanggan terawal sahaja.</li> </ul>	RM50,000- RM59,999 RM60,000- RM69,999 RM70,000- RM79,000 RM80,000- RM89,000 RM90,000- RM99,000 RM100,000 dan ke atas	5 6 7 8 9 10

b) Ar- Rahnu

KATEGORI CABUTAN	PRODUK	KRITERIA KEMPEN	AMAUN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN	MATA PENYERTAAN (MP)
<i>Cabutan bertuah dan hadiah pendaftaran awal</i>	Ar-Rahnu	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan sedia ada menyertai Kempen Ar-Rahnu Kembara Emas bermula 15 September 2023 akan layak secara automatik untuk menyertai cabutan Kempen ini. Selain itu, kemudahan pembiayaan peribadi harus dimohon, diluluskan dan kemudahan pembiayaan telah dikeluarkan ke dalam akaun semasa tempoh Kempen berlangsung (15 Mac 2024 – 30 Jun 2024)</li> <li>Mata Penyertaan berdasarkan jumlah kemudahan pembiayaan</li> <li>15 orang pemenang cabutan bertuah akan dipilih dilakukan pada akhir Kempen</li> <li>Pelanggan yang mencagar emas dengan nilai marhun sekurang-kurangnya RM2,500 akan menerima Hadiah Pendaftaran (Uncang Agrobank)</li> <li>Hadiah pendaftaran adalah terhad kepada 16,000 pelanggan terawal sahaja.</li> </ul>	RM500-RM2,999	1
		RM3,000-RM4,999	3	
		RM5,000-RM6,999	5	
		RM7,000-RM8,999	7	
		RM9,000-RM9,999	9	
		RM10,000 dan ke atas	10	

c) Takaful

	KRITERIA KEMPEN	PRODUK	TRANSAKSI MINIMUM (RM10)		MATA PENYERTAAN (MP)
Cabutan bertuah dan hadiah pendaftaran awal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Langganan Takaful kemalangan Diri haruslah dimohon diluluskan dan dibayar bagi bayaran tahunan semasa tempoh Kempen berlangsung (15 Mac 2024-30 Jun 2024)</li> <li>• 15 orang pemenang cabutan bertuah akan dipilih pada akhir Kempen.</li> <li>• Pelanggan yang memohon kemudahan pembiayaan AgroCash-i dengan jumlah minima RM50,000 dan disertakan produk Takaful Kasih Plus 4 akan menerima Hadiah pendaftaran, (seunit payung eksklusif Agrobank)</li> <li>• Hadiah pendaftaran adalah terhad kepada 2,000 pelanggan terawal sahaja.</li> </ul>	Takaful Kasih Plus	TKP3	RM54	1
			TKP 4	RM108	2
			TKP 5	RM216	3
		Agro Madani	TKP 6	RM324	4
			Zamrud	RM61.20	1
			Emas	RM152.85	2
		Agro Nurani	Berlian	RM244.55	3
			Ehsan	RM56.10	1
			Amal	RM86.60	2
			Azim	RM132.45	3

\*Nota: Hadiah Pendaftaran AgroCash-i, Ar-Rahnu dan Takaful adalah tertakluk kepada kelulusan kemudahan pembiayaan dan terhad selagi stok masih ada.

d) DuitNow, DuitNow QR, Kad Debit Atas Talian, Kad Debit dan Zakat

KATEGORI CABUTAN	PRODUK	KRITERIA KEMPEN	MATA PENYERTAAN (MP)
Transaksi Tertinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• DuitNow</li> <li>• DuitNowQR</li> <li>• Kad Debit Atas Talian</li> <li>• Kad Debit</li> <li>• Zakat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat transaksi atas talian semasa tempoh Kempen berlangsung 15 Mac 2024 – 30 Jun 2024</li> <li>• 15 orang yang melakukan kiraan transaksi tertinggi pada kadar minimum RM10,00 akan dipilih sebagai pemenang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada mata penyertaan</li> <li>• Minimum RM10.00 untuk setiap transaksi</li> </ul>

## 5. PEMILIHAN DAN MAKLUMAN PEMENANG

- a) Pelanggan hendaklah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Bank untuk melayakkan diri menyertai Kempen ini.
- b) Setiap pemenang hanya layak memenangi satu (1) hadiah bagi Kempen ini
- c) Kaedah Cabutan elektronik akan digunakan bagi proses pemilihan di mana ianya akan dipantau oleh Jawatankuasa Pemilihan yang dilantik oleh pihak Bank. Sebarang keputusan hasil daripada Cabutan yang dilakukan adalah muktamad. Sebarang rayuan, bantahan atau pertanyaan daripada Pelanggan tidak akan dilayan.
- d) Nama pemenang akan diumumkan melalui laman sesawang rasmi Bank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my).
- e) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju untuk membenarkan Bank untuk menggunakan, memaparkan atau menerbitkan nama, gambar dan/atau lain-lain maklumat berkaitan Pemenang bagi tujuan publisiti dan pengiklanan. Pelanggan perlu menghubungi pihak Bank sekiranya ingin menarik balik mana-mana kebenaran yang telah diberikan. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk kepada Notis Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dengan melayari laman rasmi Bank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my).

## 6. HADIAH KEMPEN DAN TUNTUTAN HADIAH

- a) Senarai hadiah Kempen yang ditawarkan kepada pelanggan untuk dimenangi bagi Cabutan Bertuah boleh dirujuk pada Jadual 3 (e).
- b) Hadiah yang dimenangi oleh pemenang tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dari segi spesifikasi hadiah seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Bank. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti yang telah dimaklumkan kepada pelanggan. Walau bagaimanapun, pihak Bank berhak untuk mengubah atau menukar hadiah yang ditawarkan kepada produk, model, jenama atau spesifikasi yang lain berdasarkan nilai hadiah yang ditawarkan tertakluk kepada makluman awal yang diberikan kepada pelanggan melalui saluran komunikasi Bank seperti laman web.
- c) Para pemenang akan dihubungi oleh pihak Bank melalui panggilan telefon sekurang-kurangnya tiga (3) kali panggilan bagi memastikan pelanggan dapat dihubungi untuk memaklumkan sebagai pemenang. Sekiranya pelanggan tidak dapat dihubungi walaupun panggilan telah dibuat, pihak Bank berhak untuk menawarkan hadiah tersebut kepada pemenang simpanan.
- d) Pemenang perlu membuat tuntutan hadiah dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja bermula dari tarikh pelanggan dihubungi oleh pihak Bank. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan pemenang hilang kelayakan untuk menerima hadiah tersebut.

## 7. PERUNTUKAN UMUM

- a) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini serta sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Bank melibatkan Kempen ini.
- b) Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut seperti di bawah
  - i. Pusat Talian Am Khidmat Pelanggan Bank 1-300-88-2476.
  - ii. Layari laman sesawang rasmi Bank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my).
  - iii. Kunjungi Cawangan Bank berdekatan dengan mematuhi Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.
- c) Sebarang fi dan caj yang terlibat dalam Kempen ini hendaklah bergantung kepada ciri-ciri Produk dan Servis yang dilanggan oleh Pelanggan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai fi dan caj di Cawangan Bank berdekatan.
- d) Segala Terma dan Syarat yang terdapat di dalam Terma dan Syarat ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Bank berhubung Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. Pihak Bank tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat oleh pihak Bank.
- e) Pihak Bank berhak untuk membatalkan, menggantung atau mengubah mana-mana Terma dan Syarat bagi Kempen ini dengan notis sekurang-kurangnya 21 hari sebelum sebarang pembatalan, penggantungan dan perubahan yang dimaksudkan berkuatkuasa. Notis tersebut akan dimaklumkan kepada Pelanggan melalui kaedah dan saluran yang dikenal pasti oleh pihak Bank termasuk tetapi tidak terhad melalui pos, notis di cawangan Bank, melalui transaksi elektronik atau di dalam laman sesawang rasmi Bank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my).
- f) Bagi sebarang pembatalan, penggantungan atau perubahan yang dilakukan oleh pihak Bank, Pelanggan tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan kepada pihak Bank atau menerima sebarang pampasan daripada pihak Bank bagi sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang ditanggung oleh Pelanggan.